

Usah sentuh keistimewaan orang Melayu

BH 15 AUG 2000

KUALA LUMPUR, Isnin – Pemimpin Umno dan beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NCO) hari ini mengingatkan pihak tertentu di negara ini supaya jangan menyentuh hak keistimewaan yang dinikmati orang Melayu sekarang.

Mereka berpendapat, isu hak keistimewaan orang Melayu yang sudah dipersetujui semua pihak ketika negara mencapai kemerdekaan, tidak seharusnya diungkit lagi.

Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata hak keistimewaan orang Melayu seperti dipersetujui oleh kerajaan yang diwakili semua kaum di negara ini, patut dipertahankan dan tidak perlu dipertikaikan.

“Hak keistimewaan orang Melayu akan sentiasa dipertahankan oleh orang Melayu dan pihak-pihak tertentu tidak patut membuat sebarang kenyataan yang menyentuh isu ini,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan kemudahan baru Motorola Technoplex, di Pulau Pinang.

Beliau mengulas kenyataan Timbalan Pengerusi Majlis Perundingan Ekonomi Negara Kedua (Mapen II), Datuk David Chua, bahawa hak keistimewaan orang Melayu perlu dihapuskan secara beransur-ansur mengikut bidang tertentu jika kerajaan mahu melihat mereka maju dan mampu bersaing dengan kaum lain.

Majalah *Far Eastern Economic Review* (PEER) dalam keluaran 10 Ogos lalu memetik Chua sebagai berkata, Mapen II akan menimbulkannya semula masyarakat yang memberi keis-

timewaan kepada orang Melayu untuk rancangan jangka panjang 10 tahun negara.

Chua yang juga Timbalan Setiausaha Agung Gabungan Dewan-dewan Pemiagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM) dilaporkan berkata, bagi memastikan orang Melayu berjaya dalam bidang yang diceburi, kerajaan tidak perlu meneruskan dasar perlindungan yang diamalkan sekarang.

Mapen II adalah badan yang ditubuhkan kerajaan bagi merumuskan formula rancangan jangka panjang 10 tahun pertumbuhan negara selepas Dasar Pembangunan Nasional (DPN) tamat tempoh tahun ini.

Abdullah berkata, kenyataan yang menyentuh perkara penting seperti itu tidak boleh dikeluarkan dengan cara sedemikian.

Katanya, perkara berkaitan hak keistimewaan orang Melayu amat penting dan Chua tidak boleh membuat kenyataan sedemikian kerana ia perlu dibincang secara lebih mendalam.

“Kita menyedari betapa pentingnya orang Melayu membuat segala persediaan dan membina kemampuan mereka untuk bersaing.

“Sepatutnya beliau tidak membuat kenyataan begitu kerana ia menimbulkan reaksi tidak baik di kalangan orang ramai,” katanya.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib pula khawatir orang Melayu akan mundur jika hak keistimewaan mereka dihapuskan.

“Hak istimewa Melayu adalah sesuatu yang telah dipersetujui sewaktu negara mencapai

Hak istimewa orang Melayu wajar dikekalkan

DARI MUKA 1

BH 15 AUG 2000

kemerdekaan. Orang Melayu bersetuju memberikan (kerakyatan) kepada bukan Melayu.

“Dan bukan Melayu bersetuju memberi (hak istimewa) kepada Melayu,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan perhimpunan pelajar baru Ireland 2000 di sini, hari ini.

Beliau berkata, apa yang penting sekarang ialah bagaimana orang Melayu menggunakan hak istimewa itu untuk meningkatkan diri sebagai bangsa yang progresif, setanding dengan bangsa maju lain di dunia.

Berucap pada majlis itu, Muhammad berkata Umno mahu Melayu menjadi bangsa progresif yang berupaya menguruskan segala kemudahan bertaraf dunia yang telah dibina oleh kerajaan.

Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, berkata hak istimewa orang Melayu di bawah dasar penyusunan semula masyarakat, wajar dikekalkan kerana ia membawa persefahaman antara kaum.

Hak itu, katanya, turut dikongsi bersama kaum lain dengan masing-ma-

sing berganding bahu menjayakan sesuatu perniagaan atau dalam bidang lain.

“Hak berkenaan belum sampai masa hendak dihapuskan walaupun orang Melayu telah menunjukkan peningkatan dalam beberapa bidang. Ini juga bukan bermaksud orang Melayu mahu kemudahan yang lebih.

“Kita perlu ada tongkat walaupun tidak semestinya menggunakan tongkat itu,” katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas selepas mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri.

Sementara itu, Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Saifuddin Abdullah, meminta pemimpin masyarakat berhati-hati dalam memberikan pandangan supaya tidak terjebak dalam kerangka pemikiran Barat serta media asing yang sentiasa ingin menimbulkan pelbagai isu.

“Hak istimewa Melayu bukan diputuskan oleh kerajaan Melayu. Sebaliknya ia adalah satu kontrak sosial yang diputuskan oleh kerajaan yang diwa-

kili oleh pemimpin pelbagai bangsa,” katanya.

Beliau berkata, hak istimewa itu tidak boleh dilihat dari satu sudut saja, sebaliknya lebih meluas.

“Hak istimewa Melayu membabitkan seluruh kehidupan bermasyarakat dan bernegara, termasuk bidang politik, sosial dan kebudayaan. Di samping itu, ia adalah kontrak sosial dinamik yang perlu diteruskan sepanjang zaman,” katanya.

Majlis Profesional Melayu (MPM) turut membidas Chua kerana mendedahkan kepada media kandungan serta perbincangan MAPEN II sebelum ia dikemukakan kepada kerajaan.

Setiausahanya, Wan Aminuddin Wan Daud, berkata kenyataan Chua itu tidak langsung mengambil kira kepentingan dan pandangan orang Melayu dan Bumiputera.

“Chua tidak sepatutnya mendedahkan dan membincangkan isu-isu sensitif itu, tambahan pula ia membabitkan hak dan keistimewaan orang Melayu dan Bumiputera lain yang telah dijamin oleh Perkar 153 Perlembagaan

Persekutuan,” katanya dalam satu kenyataan.

MPM berpendapat isu hak dan keistimewaan orang Melayu dan Bumiputera tidak perlu dipertikaikan kerana ia sudah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Aminuddin berkata, MPM turut beranggapan rencana dalam FEER itu, yang mengemukakan fakta tidak tepat, mempunyai tujuan menghasut dan boleh menyebabkan rasa tidak puas hati di kalangan rakyat berbilang kaum di Malaysia.

MPM, yang ditubuhkan hasil Kongres Profesional Muda Melayu 2000 pada Februari lalu, akan mengemukakan memorandum bantahan mengenai perkara itu kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Khamis ini.

Di KUALA TERENGGANU, Yang Dipertua Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Terengganu (DPMMT), Wan Mohd Albakri Wan Md Nor, berkata masyarakat Cina tidak sepatutnya mengungkit isu hak istimewa orang Melayu demi menjaga kestabilan politik dan ekonomi negara

yang kini pada peringkat pemulihan.

Beliau berkata, perkara itu sepatutnya tidak berbangkit jika Chua memaha& hak keistimewaan yang termaktub dalam Perlembagaan dan dijamin di bawah Perkar 153.

Katanya, hak istimewa orang Melayu adalah penerusan falsafah dan prinsip Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang disokong dan didukung semua kaum dan diakui sebagai agenda nasional.

“Malah formula yang diamalkan selama ini sudah terbukti berjaya mengekalkan keharmonian sosial dan kestabilan politik masyarakat berbilang kaum di negara ini.

“DPMMT menggesa semua pihak supaya terus mengekalkan formula yang baik ini dan jangan ada cubaan daripada mana-mana pihak mengugut keharmonian dan kestabilan yang dinikmati selama ini,” katanya.

Di KOTA BHARU, Presiden Persatuan Penyelidikan Pendidikan Malaysia, Datuk Profesor Dr Ibrahim Bajunid, berkata hak istimewa orang Melayu tidak boleh ditamatkan sewenang-wenangnya sebelum mengenal pasti semua perkara secara menyeluruh.

“Soalini adalah hak orang Melayu sendiri untuk membuat keputusan, bukan orang lain. Kesediaan bangsa Melayu membuat keputusan ini pula adalah keputusan Raja-Raja Melayu.

“Perkara itu tidak boleh dilihat secara menyeluruh kerana dalam bidang tertentu, hak orang Melayu mesti dilindungi dan mungkin dalam tempoh lebih lama,” katanya selepas pembentangan kertas kerja ‘Penyelidikan Menjana Pembastarian Pendidikan Alaf Baru’ di Dewan Wawasan Maktab Perguruan Kota Bharu (MPKB).